

**Soalan 1 : Rumusan**

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan impak/implikasi/natijah/akibat penggunaan teknologi maklumat terhadap generasi muda kini/sekarang/pada masa ini/pada zaman ini/ di Malaysia.	2
Petikan membincangkan impak/implikasi/natijah/akibat penggunaan teknologi maklumat terhadap generasi muda.	1

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

- S1. Tidak mampu melakukan apa-apa sahaja tanpa bantuan teknologi maklumat. 2
- S2. Menjalankan aktiviti riadah hanya melalui atas talian. 2
- S3. Menjadi unsur gangguan kepada remaja sehingga mampu mengubah pemikiran, hasrat dan keupayaan seseorang dalam menekuni sesuatu perkara yang dilakukan. 2
- S4. Aktiviti yang berbentuk proses pembelajaran akan terganggu. 2
- S5. Melibatkan masa dan tenaga serta kos yang dibazirkan semasa menggunakaninya. 2
- S6. Akan hilang nilai kemasyarakatan yang sebenarnya. 2
- S7. Nilai kekeluargaan, semangat setia kawan dan hubungan sosial yang berkesan secara bersemuka, semakin pupus. 2
- S8. Mengganggu rutin kehidupan seseorang yang berhasrat memenuhi naluri kehidupan mereka secara fitrah atau semula jadi. 2
- S9. Mengganggu proses pembelajaran sosial remaja. 2
- S10. Remaja tidak lagi melakukan aktiviti secara bekerjasama atau berkumpulan. 2
- S11. Mengganggu proses perkembangan fizikal dan mental remaja. 2

[Lihat halaman sebelah

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**

- T1. Ibu bapa mengawal penggunaan/ mengehadkan masa penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan anak-anak. 2
- T2. Ibu bapa menerangkan kebaikan dan keburukan teknologi maklumat kepada anak-anak. 2
- T3. Ibu bapa menggalakkan anak-anak aktif berinteraksi secara bersemuka (bukan secara maya) 2
- T4. Pemantauan ibu bapa terhadap penggunaan teknologi maklumat oleh anak-anak. 2

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**Penutup**

Kesimpulannya, semua pihak perlu membimbing generasi muda dalam penggunaan teknologi maklumat agar lahir remaja berwawasan/ bijak.

2

Kesimpulannya, semua pihak perlu membimbing generasi muda dalam penggunaan teknologi maklumat.

1

Kesimpulannya, semua pihak perlu membimbing generasi muda.

0

Kesimpulannya, semua pihak perlu membimbing generasi muda agar lahir remaja berwawasan/ bijak.

0

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum****(i) Maksud :**

- manusia/ individu/ orang yang leka/ asyik/ ralit 2
- insan yang leka/asyik/ralit 1
- manusia/individu/orang yang obsesi 1

**[Maksimum : 2 markah]****(ii) Remaja sepatutnya mengisi lapang mereka dengan:**

- aktiviti berkumpulan
- aktiviti yang sesuai dengan sifat semula jadi remaja yang gemar akan cabaran
- sesuatu yang baharu
- sesuatu yang mampu menguji keupayaan fizikal dan mental mereka.

**[Maksimum : 3 markah]****(iii) Pada pendapat saya, punca-punca penyalahgunaan teknologi maklumat dalam kalangan remaja ialah:**

- keseronokan individu bermain permainan maya
- tiada bimbingan/ kawalan longgar daripada ibu bapa
- pengaruh rakan sebaya
- sesuatu yang mampu menguji keupayaan fizikal dan mental mereka
- banyak aplikasi permainan maya/ aplikasi permainan percuma
- mudah akses

**[Maksimum : 4 markah]****\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)****[Lihat halaman sebelah**

**Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden****(i) Dua pesanan emak :**

- mengembalikan buku simpanan mereka 1
- menyemak baki dalam buku simpanan 1
- mengambil duit mereka kembali 1
- mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih 1
- menyuruh mereka balik ke tempat masing-masing 1

[Maksimum : 2 markah]

**(ii) Pendapat :**

- menjaga hati/perasaan mereka 1
- bercakap dengan nada dan suara yang sopan/menghormati mereka 1
- menjaga mereka ketika mereka sakit 1
- mendoakan kesihatan/kesejahteraan hidup mereka 1
- belajar bersungguh-sungguh 1
- membawa mereka pergi bercuti/menghantar mereka ke Mekah 1

[Maksimum : 3 markah]

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah

## (iii) Satu persoalan dalam petikan drama

- Kesetiaan seorang isteri  
Cth : Jimah setia menunggu kepulangan suaminya di tepi pantai. 1
- Jujur menyampaikan amanah  
Cth : Sani dengan jujur telah menyampaikan pesanan emaknya kepada abang dan kakaknya. 1
- Kata-kata lebih tajam daripada mata pedang  
Cth : Sabariah dan adik-beradiknya amat terasa akan kata-kata Pak Man. 1
- Pengabaian terhadap ibu bapa  
Cth : Sabariah dan adik-beradiknya telah mengabaikan ibu bapa mereka. 1

## Satu persoalan dalam keseluruhan drama

- Sikap anak-anak yang terlalu mementingkan kerjaya  
Cth : Shahrul mahu kembali ke tempat kerjanya walaupun ayahnya masih belum dijumpai. 1
- Ketentuan qadak dan qadar Tuhan  
Cth : Pak Jumaat yang hilang di laut akibat tsunami telah dijumpai selamat. 1
- Katabahan menghadapi dugaan hidup  
Cth: Jimah tabah menghadapi dugaan hidup apabila suaminya hilang di laut semasa kejadian tsunami. 1
- Kepincangan masyarakat yang mengambil kesempatan atas kesusahan orang lain  
Cth: Wahid dan Senin mengambil kesempatan menipu dan mencuri barang mangsa tsunami. 1

[Maksimum : 4 markah]

\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional****(i) Maksud :**

- |  |   |
|--|---|
| • amat/sangat/sungguh cantik/menawan/menarik | 2 |
| • terlalu cantik/menawan/menarik             | 1 |
| • amat/sangat/sungguh indah                  | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

**(ii) Tiga keistimewaan burung bayan**

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| • mata bayan itu daripada pusparagam | 1 |
| • kaki bayan daripada emas           | 1 |
| • suara bayan sungguh merdu          | 1 |
| • rupa bayan terlalu cantik          | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

**(iii) Tujuan Penyamaran (Isi cukup – 2 tujuan)**

- untuk menjamin keselamatan dirinya
- untuk memudahkannya melaksanakan tugas/strategi
- untuk melindungi identiti dirinya
- untuk mengelirukan musuhnya

[Maksimum : 3 markah]

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2(d) : Gurindam****(i) Maksud :**

- Carilah sahabat yang baik agar dapat membantu kita semasa kesusahan 2

**(ii) Ciri-ciri kawan yang baik (Isi cukup – 2 ciri)**

- sedia memberi bantuan ketika kita ditimpa musibah
- sentiasa bersama sewaktu susah dan senang
- sentiasa menjaga maruah kita/tidak mengaibkan kita
- sentiasa mendorong kita ke arah kebaikan

[Maksimum : 3 markah]

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**(iii) Dua pengajaran :**

- Kita mestilah mencari sahabat yang baik agar dapat membantu kita semasa kita berada dalam kesusahan. 1+1
- Kita hendaklah mencari guru yang baik agar kita dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. 1+1
- Seseorang lelaki hendaklah mencari isteri yang dapat berbakti dengan ikhlas demi kebahagiaan rumah tangga. 1+1
- Kita hendaklah mencari kawan yang jujur dan setia supaya aib kita sentiasa terpelihara. 1+1

[Maksimum : 4 markah]

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Jawapan 3 (a)**

- (i) menatap : memerhatikan dengan teliti, memandang dengan bersungguh-sungguh  
                   : memandang, merenung, merenungi
- meratap : menangis sambil mengeluarkan kata-kata, mengeluh (sambil menjerit, menangis dll)
- (ii) menempa : memukul besi dll untuk dijadikan alat (pisau dll), menitik  
                   : membuat (keris, parang, dll) daripada logam  
                   : membentuk (bata, wang, dll), mencetak  
                   : kiasan - mencipta, membuat – (**Tidak diterima sebagai jawapan**)
- menempah : memesan dengan memberi wang tempah, membeli atau menyatakan tujuan hendak membeli (barang, pakaian, dll) dengan membayar cengkeram  
                   : menyuruh membuat (pakaian dll) dengan ukuran yang tertentu  
                   : kiasan - sengaja mencari (bahaya dll) – (**Tidak diterima sebagai jawapan**)
- (iii) mentafsir : keterangan dan penjelasan berkenaan ayat-ayat Quran (kitab suci)  
                   : = tafsiran keterangan dan penjelasan (maksud ayat dll), kupasan, ulasan
- mentaksir : mengira atau menghitung banyaknya sesuatu (harga dll)  
                   : menyangka, menelah, mengagak, mengira  
                   : memberi penghargaan (dengan sewajarnya), menghargai, menilai  
                   : mengkaji, meneliti  
                   : = naksir ingin memiliki (mempunyai) sesuatu, menghendaki, berkeinginan untuk, ada keinginan hendak

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3 (b)**

- (i) Saya akan memikul tanggungjawab menyara keluarga setelah ayah meninggal dunia.
- (ii) Pihak Jabatan Kerja Raya sedang giat menjalankan kerja-kerja pengukuhan cerun bukit yang sering berlaku tanah runtuh.
- (iii) Semenjak kerajaan melancarkan program kitar semula, tahap kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar semakin meningkat.  
Tahap kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar semakin meningkat, semenjak kerajaan melancarkan program kitar semula.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3 (c)**

- |       |                            |   |                                |
|-------|----------------------------|---|--------------------------------|
| (i)   | Sastr<br>cermin            | : | Sastera<br>cerminan            |
| (ii)  | merekod<br>motorsikal      | : | merekodkan<br>motosikal        |
| (iii) | merialisasikan<br>utamakan | : | merealisasikan<br>mengutamakan |

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3 (d)**

- |       |                |   |                |
|-------|----------------|---|----------------|
| (i)   | jual beli      | : | pemerdagangan  |
| (ii)  | sentimen       | : | komitmen       |
| (iii) | di antara      | : | antara         |
| (iv)  | Jika sekiranya | : | Jika/Sekiranya |
| (v)   | memberkas      | : | membanteras    |
| (vi)  | daripada       | : | dari           |

**[Maksimum : 6 markah]**

Lihat halaman sebelah

**Jawapan 3 (e)**

- (i) Masuk telinga kanan keluar telinga kiri/Mencurah garam ke laut
- (ii) Alang-alang mandi biar basah/Alang-alang berdakwat biar hitam/  
Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
- (iii) Harapkan pagar, pagar makan padi/Harapkan pegar, pegar makan padi

**[Maksimum : 6 markah]**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- 4(a) i) Jawapan mesti berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
iii) Jawapan mesti meliputi pernyataan dan huraiian.  
iv) Berikan 1 markah untuk pernyataan dan 1 markah untuk huraiian yang lengkap/jelas.  
v) Berikan 0 markah untuk huraiian yang tidak lengkap/tidak jelas.  
vi) Huraian tanpa pernyataan 0 markah.  
vii) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan huraiian - maksimum 4 markah.  
viii) Maksimum markah bahasa 3 markah.  
ix) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti berikut:  
    Baik : 3 markah  
    Sederhana : 2 markah  
    Lemah : 1 markah  
x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
xi) Calon tidak menjawab, 0 markah.  
xii) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.  
xiii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti berikut :

Contoh :

I = 4

B = 3                 7

[Maksimum : 7 markah ]

Lihat halaman sebelah

- 4(b) i) Jawapan mesti berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii) Beri 1 markah untuk 1 isi ( latar masyarakat ) dan 1 markah untuk contoh/uraian.
- iv) Isi ( latar masyarakat ) tanpa contoh/uraian - 1 markah.
- v) Contoh/uraian tanpa latar masyarakat - 0 markah.
- vi) Markah bagi 3 isi yang lengkap dengan contoh /uraian - maksimum 6 markah.
- vii) Maksimum markah bahasa 2 markah. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.
- viii) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti berikut:
- Baik : 2 markah
- Lemah : 1 markah
- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- x) Calon tidak menjawab, 0 markah.
- xi) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.
- xii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti berikut:

Contoh :

$$\begin{array}{r} I = 6 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} B = 2 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} \\ \hline 8 \end{array}$$

[Maksimum : 8 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

**Soalan 4(a)****Teknik Plot novel Konserto Terakhir**

1. **Teknik pemerian** (teknik bercerita secara langsung dalam novel. Pengarang berperanan sebagai tukang cerita atau tukang lapor secara menyeluruh tentang watak, perwatakan, latar tempat, latar masa, latar masyarakat dan lain-lain). Contohnya, Tujuh belas tahun lamanya dia tidak kembali ke kampungnya itu. Sejak bapanya meninggal dunia. Hari bapanya meninggal dunia dia hanya kembali untuk beberapa jam sahaja dan kemudian setelah mayat bapanya dikuburkan, dia pun pulang semula ke Kuala Lumpur.
  
2. **Teknik imbas kembali** ( terkenang apa-apa perkara/peristiwa yang telah berlaku) Contohnya,
  - a. Hayati teringat akan malam sebelum dia bertolak dari London, dia bergaduh besar dengan Mohsin. Mohsin menganggap bahawa perbuatan Hayati hendak pulang ke Kuala Lumpur adalah gila dan sia-sia.
  - b. Datuk Johari teringat akan peristiwa perkahwinannya dengan seorang gadis di kampungnya. Isterinya itu diceraikan pada malam pertama perkahwinannya dan dia bertolak ke Kuala Lumpur.
  
3. **Teknik monolog** (bercakap seorang-seorang / bersungut bersendirian). Contohnya,
  - a. Hilmi bercakap dengan bunga ros yang akan dipilih untuk menggantikan Hayati selama Hayati tiada.
  
4. **Teknik monolog dalaman** (dalam hati) pengucapan batin, fikiran. Contohnya,
  - a. Hati kecil Hilmi mengutuk-ngutuk marah ketika berhadapan dengan Datin Salmah yang mencerca, menghinanya setiap kali berjumpa.
  - b. Monolog dalam diri Datin Salmah yang mengakui akan budi baik orang kampung yang sanggup berkorban dengan menyimpan rahsia bahawa Hilmi ialah anak kandung Datuk Johari demi kebahagiaan rumah tangga Datuk Johari dengan Datin Salmah.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

5. **Teknik dialog.** Teknik ini dapat mengembangkan cerita melalui perbualan antara seorang watak dengan watak yang lain.

- a. Dialog Datin Salmah dengan Hilmi :

Datin Salmah memberitahu Hilmi bahawa mereka sekeluarga akan bercuti selama satu bulan dan Hilmi diarahkan untuk menjaga rumah kerana pembantu rumahnya juga diberi cuti dan dia akan balik ke kampung.

- b. Dialog Hilmi dengan Azizah:

Hilmi memberitahu Azizah bahawa dia mahu pulang untuk sembahyang dan bunga-bunganya belum disiram lagi.

#### 6. **Teknik saspens**

- a. Antara peristiwa yang mengandungi unsur saspens termasuklah rancangan Hilmi setelah meninggalkan rumah Datuk Johari. Apabila Hilmi sudah tidak tahan dengan kerendah Datin Salmah, maka Hilmi menaiki bas untuk pulang ke kampung. Dalam konteks tersebut, pembaca bertanya-tanya apakah pekerjaan yang akan dilakukan Hilmi apabila tiba di kampung. Sebaliknya, semasa di Tanjung Malim, Hilmi menaiki teksi ke Kuala Lumpur. Pembaca bertanya-tanya sekali lagi tentang liku-liku hidup yang akan dilalui oleh Hilmi apabila dia tiba di Kuala Lumpur.
- b. Encik Bakar dipanggil oleh Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional. Encik Bakar telah melanggar arahan Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional kerana menggunakan khidmat Hilmi untuk mengadakan persembahan di Hotel Titiwangsa. Pembaca bertanya-tanya sama ada Encik Bakar akan dikenakan tindakan tatatertib oleh jawatankuasa persatuan itu kerana melanggar arahan mereka.

#### 8. **Teknik kejutan**

- a. Kemunculan Hayati dari London pada malam Pertunjukan Orkes Perdana dan memimpin orkestra pada malam itu.
- b. Pak Karim memberitahu Datuk Johari bahawa Hilmi ialah anak kandung Datuk Johari.

[Lihat halaman sebelah

**Teknik Plot Novel Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)****1. Teknik dialog**

Contohnya: Perbualan Jefri dengan Rasylan tentang latar belakang Rasylan. Rasylan memberitahu Jefri bahawa dia merupakan anak angkat Datuk Mustakim yang diambil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

2. **Monolog** – Tutur kata atau pengucapan oleh watak secara sendirian. Contoh: Jefri berkata kepada isterinya, Intan Maliana yang sedang koma bahawa Intan Julia telah mendapat keputusan SPM yang baik dan dia hendak memohon kemasukan ke matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa untuk anak mereka itu.

**3. Teknik saspens**

- a. Ketika Intan Maliana berada di dalam bilik pembedahan di HUKM untuk melahirkan anak keduanya, pembaca tertanya-tanya tentang keselamatan Intan Maliana dan bayi yang bakal dilahirkannya. Pembaca juga ingin tahu sama ada Intan Maliana akan menghadapi komplikasi yang sama ketika melahirkan Intan Julia atau sebaliknya.
- b. Pembaca tertanya-tanya tentang kesudahan hubungan papa dan Aisyah. Intan Julia menentang hubungan itu dan melihat hubungan mereka itu sebagai tidak elok atau curang kerana mama masih hidup.

**4. Teknik pemerian**

Contohnya: Petang itu cuaca nyaman. Angin bertiup beralun lembut dan amat menyegarkan. Dengan rambutku yang ikal dan panjang mencecah bahu dan diikat ekor kuda dengan berseluar panjang dan berkemeja T, aku yang tadinya berbaring sebentar di atas tilam empuk bilikku turun dari tingkat atas menuju ke ruang dapur di tingkat bawah.

**5. Teknik monolog dalaman**

Intan Julia berkata dalam hati apakah yang akan dirasakan oleh mama sekiranya mama tahu semua perkara yang berlaku.

**6. Teknik imbas kembali**

Mak Cik Noraini teringat keadaan fizikal Intan Julia sewaktu dilahirkan dan Intan Juliana tidak boleh minum susu.

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 4(b)****Persamaan dan perbezaan latar masyarakat daripada dua buah novel****Persamaan****1. Masyarakat yang rajin****Konserto Terakhir**

Hilmi rajin mengusahakan taman di rumah Datuk Johari sehingga taman itu menjadi cantik serta mendapat pujian daripada rakan-rakan Datin Salmah. Dia juga rajin mengusahakan kebun di rumah itu sehingga sayur-sayurannya hidup subur. Hilmi juga tekun dalam usahanya mempelajari muzik daripada Encik Bakar sehingga berjaya menjadi seorang pemuzik terkenal.

Demikian juga dengan Encik Bakar yang rajin dan tekun mengajar Hilmi hingga Hilmi berjaya menjadi seorang pemuzik terkenal.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Intan Julia rajin belajar sehingga berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM seterusnya dapat melanjutkan pelajaran ke matrikulasi UIAM.

**2. Masyarakat yang prihatin****Konserto Terakhir**

Dr. Nathan memberikan tanah hitam kepada Hilmi apabila Hilmi bertanya tentang tanah hitam yang berlonggok di halaman rumahnya. Dr. Nathan bukan sahaja enggan menerima wang Datuk Johari, malah dia sendiri datang ke rumah Datuk Johari untuk memuji kerajinan Hilmi dan mencadangkan kepada Datuk Johari dan Datin Salmah supaya memberikan gaji yang tinggi kepada Hilmi atas kerajinannya. Hal ini telah menunjukkan keprihatinan Dr. Nathan terhadap Hilmi.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Cikgu Suzie menunjukkan keprihatinannya terhadap Intan Maliana apabila dia menasihati Intan Maliana supaya tidak mengandung lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana Cikgu Suzie mengetahui peristiwa komplikasi semasa Intan Maliana melahirkan Intan Julia dan tidak menginginkan rakannya itu mengalami masalah yang sama.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**3. Masyarakat yang taat akan perintah agama****Konserto Terakhir**

Hilmi tidak pernah meninggalkan solat dan sentiasa mendirikan solat apabila tiba masanya. Buktinya ialah Hilmi berhenti melakukan kerja perkebunan di belakang rumah Datuk Johari untuk menunaikan solat asar.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Papa merupakan seorang yang taat akan ajaran agama dan tidak meninggalkan solatnya. Buktinya, dia dan Intan Julia, anaknya pergi menjenguk Intan Maliana di biliknya selepas menunaikan solat maghrib.

**4. Masyarakat yang penyayang****Konserto Terakhir**

Hilmi amat menyayangi tanamannya sehingga dia sanggup berjaga malam untuk memastikan tanamannya tidak dimakan oleh kumbang. Selain itu, Hilmi akan membunuh kumbang yang telah merosakkan tanamannya itu.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Jefri amat menyayangi isterinya walaupun terpaksa berkorban masa dan tenaga untuk menjaga isterinya Intan Maliana yang berada dalam keadaan koma. Jefri juga sentiasa berkomunikasi dengan Intan Maliana walaupun Intan Maliana koma.

[Lihat halaman sebelah

## 5. Masyarakat yang bertanggungjawab

### Konserto Terakhir

Hilmi menunjukkan sikap bertanggungjawab kepada Encik Bakar yang menjadi pemimpin ‘quartet’ di Kelab Malam Hotel Titiwangsa. Walaupun dia terlalu ingin untuk menghantar Hayati ke lapangan terbang namun niatnya itu diabaikan kerana dia bermain muzik pada malam itu. Malah, dia pergi ke tempat kerjanya sebaik sahaja selesai pertemuan dengan Hayati di kebun bunga pada malam Hayati hendak ke London.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Jefri bertanggungjawab terhadap isteri dan keluarganya. Jefri memberikan sepenuh kasih sayang kepada isterinya Intan Maliana hingga menjadikan rumah tangga mereka bahagia. Dia telah memberikan sokongan moral kepada isterinya semasa isterinya mengandung dan pada saat Intan Maliana melahirkan anak. Semasa isterinya koma, Jefri sanggup berkorban masa dan tenaga menjaga isterinya. Selain itu, sebagai bapa yang bertanggungjawab beliau mengambil alih menjaga Intan Julia dengan menghantar dan mengambil Intan Julia dari sekolah selain mengambil tahu perkembangan pelajaran Intan Julia sehingga Intan Julia belajar di UIAM.

## 6. Masyarakat yang berani

### Konserto Terakhir

Hilmi datang dari kawasan kampung. Dia hanya berpendidikan hingga darjah empat sekolah Melayu. Walau bagaimanapun, Hilmi menunjukkan keberanian apabila dia membuat keputusan hendak ke bandar untuk mencari pekerjaan atas permintaan ‘bapa’nya, Pak Karim. Hilmi tetap berani mengembara ke bandar dengan kemampuan dan kemahirannya yang rendah dan akhirnya, dia berjaya menjadi pemuzik yang terkenal atas keberaniannya.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Intan Maliana merupakan isteri Jefri dan juga ibu kepada Intan Julia. Walaupun dia pernah mengalami komplikasi apabila melahirkan Intan Julia, Intan Maliana tetap ingin meneruskan ‘kandungannya demikian kebahagiaan suaminya, Jefri. Dia memaparkan keberaniannya apabila masih tegas dengan keputusannya untuk mengambil risiko yang besar bagi melahirkan anak kembar tersebut walaupun telah ditegur dan dinasihat. Akhirnya, kedua-dua anaknya meninggal dunia dan dia pula koma.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**7. Masyarakat yang tabah****Konserto Terakhir**

Hilmi tabah menghadapi pelbagai dugaan hidup semasa tinggal di rumah Datuk Johari. Dia sering dihina dan dicaci oleh Datin Salmah, lantaran kemiskinannya dan kurang berpelajaran.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Intan Julia tabah menghadapi dugaan apabila mamanya koma dan pada masa itu dia sedang bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM.

**Perbezaan****1. Masyarakat yang patuh terhadap pegangan agama****Konserto Terakhir**

Datuk Johari seorang yang mengabaikan tanggungjawabnya sebagai pengikut agama Islam, sebagai contoh dia tidak bersolat.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Papa merupakan seorang yang taat akan ajaran agama dan tidak meninggalkan solat. Buktinya, dia dan Intan Julia, anaknya pergi menjenguk Intan Maliana di biliknya selepas menunaikan solat maghrib.

**2. Masyarakat yang mementingkan ikatan silaturahim dalam keluarga****Konserto Terakhir**

Datin Salmah merupakan seorang yang mementingkan status daripada tali kekeluargaan. Dia berasa malu untuk menerangkan kepada orang lain bahawa Hilmi merupakan anak saudara suaminya dan bekerja sebagai tukang kebun di rumahnya. Hal ini disebabkan Hilmi merupakan seorang pemuda kampung dan bersekolah setakat darjah empat sekolah Melayu.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Papa pula seorang yang mementingkan ikatan kekeluargaan. Buktinya ialah papa membawa Mak Cik Noraini, iaitu sepupunya tinggal dengannya selepas kematian suami dan anak-anaknya yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada malam hari raya suatu ketika dahulu. Walaupun Mak Cik Noraini berkhidmat di rumah keluarga Jefri sebagai pembantu rumah, namun papa menganggapnya sebagai ahli keluarganya.

**3. Masyarakat yang prihatin****Konserto Terakhir**

Datin Salmah tidak prihatin akan minat dan keinginan Hilmi yang meminati muzik. Datin Salmah bukan sahaja memarahi Hilmi yang pulang lewat kerana pergi belajar muzik di rumah Encik Bakar, malahan dia tidak memberi makan malam kepada Hilmi pada malam tersebut.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Papa seorang yang prihatin. Buktinya ialah papa membawa Mak Cik Noraini, iaitu sepupunya tinggal dengannya selepas kematian suami dan anak-anaknya yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada malam hari raya suatu ketika dahulu. Papa dan keluarganya amat menghormati Mak Cik Noraini dan dia dianggap sebagai ahli keluarga mereka.

[Lihat halaman sebelah

**4. Masyarakat yang berpendidikan****Konserto Terakhir**

Hilmi belajar setakat darjah empat sekolah Melayu.

**Papa ... (akhirnya kau tewas jua!)**

Intan Julia cemerlang dalam SPM dan melanjutkan pelajaran ke matrikulasi UIAM.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah